

SU Agung: PKR wajibkan calon, pimpinan gunakan Facebook, Twitter dalam retreat hari ini
Malaysian Insider
Disember 13, 2012
Oleh Amin Iskandar

PETALING JAYA, 13 Dis — PKR akan mewajibkan kesemua bakal calon dan pemimpin parti tersebut untuk menggunakan media sosial seperti Facebook dan Twitter dalam perjumpaan (retreat) yang diadakan selama dua hari bermula hari ini, kata setiausaha agungnya, Datuk Saifuddin Nasution Ismail.

Langkah ini bertujuan agar pemimpin parti tersebut dapat berinteraksi dengan pengguna media sosial yang semakin meningkat terutamanya dikalangan anak- anak muda.

“Besok (hari ini) dalam retreat (perjumpaan) parti, kita akan menjadikan penggunaan media sosial seperti Facebook dan Twitter sebagai satu kewajipan kepada semua pemimpin parti.

“Kerana, sama ada ianya pengundi bandar lebih-lebih lagi, semi urban, dan juga kawasan pendalaman, macam kawasan Machang umpamanya, 55,000 pengundi saya.

“Tetapi, pengundi Machang yang tinggal di luar, tinggal di Johor, di Pulau Pinang, mereka ini terdedah kepada segala macam maklumat,” kata Saifuddin (gambar) dalam temubual eksklusif bersama The Malaysian Insider semalam.

PKR mengadakan retreat pemimpin tertinggi parti tersebut selama dua hari bermula 13-14 Disember di Selangor, untuk merangka strategi terkini parti tersebut menjelang pilihan raya yang perlu diadakan selewat-lewatnya tahun hadapan selepas mandat Barisan Nasional (BN) tamat.

Menurut ahli parlimen Machang itu, PKR akan melaksanakan strategi yang diguna pakai oleh parti AK di Turki yang meletakkan anak-anak muda untuk mengetuai jentera strategik dan media baru untuk memantapkan lagi penguasaan mereka di internet.

“Dan dalam engagement saya dengan mereka itu, saya dapati juga keadaan itu boleh kita apply (laksanakan) dalam konteks Malaysia kerana anak muda ini, dia tidak berminat lagi dengan media tradisi ini, bahkan media parti pun dia dah tak berapa minat dah.

"Sebagai respon kepada ini, parti Keadilan juga merekrut aktivis anak muda khusus untuk menangani kempen media baru ini sahaja. Masih di bawah saudara Nik Nazmi (Nik Ahmad), tetapi rekrut baru yang kita buat termasuk saudara Praba Ganesan, YB Sim (Tze Tzin) dan ada lagi beberapa recruitment terus kepada pejabat Ketua Pembangkang.

"Beberapa aktivis mahasiswa yang diberikan tugas khusus untuk kendalikan ahl ehwal yang berkaitan dengan kempen parti dalam menggunakan intrumen media baru," katanya.

Baru-baru ini, kedua-dua Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi tuan rumah program Google Hangout untuk berhubung dengan rakyat Malaysia celik IT terutamanya belia yang membentuk demografi berbeza daripada lebih 13 juta yang layak mengundi dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Kedua-dua mereka menarik beribu-ribu pengguna internet untuk mendengar pandangan serta visi menjelang PRU yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama menjadi tuan rumah Google Hangout pada Januari lepas sebagai sebahagian daripada kempen pemilihan semula. Forum ini datang dalam bentuk sambungan video secara langsung dan soalan video YouTube.

Najib, yang akan mendapatkan mandat sendiri dalam pemilihan akan datang, adalah salah satu ahli politik paling popular dalam talian melalui blognya www.1malaysia.com.my, dua akaun Facebook dan akaun microblogging Twitter.

Halaman Facebook utama beliau mempunyai 1,279, 271 tanda suka berbanding Anwar yang mempunyai 416, 655 tanda suka dalam sebuah negara yang mempunyai kira-kira 12.9 juta akaun Facebook.

Di Twitter, Najib mempunyai 1,068,766 pengikut manakala pemimpin de facto PKR itu mempunyai kira-kira 220,693 pengikut.

Akan tetapi Anwar lebih aktif di Twitter dengan tweet hampir sembilan kali lebih daripada Najib.

Kedua-duanya juga pernah menganjurkan tweet-up atau mesyuarat dengan pengikut mereka di Kuala Lumpur dalam apa yang dilihat sebagai satu usaha untuk mendekati dan melibatkan diri dengan orang-orang yang menjauhi media arus perdana.

Desakan kepada Putrajaya untuk liputan internet yang lebih besar menyebabkan kadar penembusan jalur lebar bagi isi rumah meningkat kepada 62.9 peratus pada suku pertama suku tahun ini daripada 62.3 peratus pada tahun 2011, kata Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bulan lepas. Malaysia mempunyai kira-kira 6.69 juta isi rumah pengguna jalur lebar.

Pakatan pembangkang PR sentiasa dilihat sebagai mempunyai kelebihan di dalam ruang siber berbanding BN, akan tetapi dalam beberapa bulan kebelakangan ini, kehadiran dalam talian gabungan pemerintah telah berkembang beberapa portal berita pro-BN dan peningkatan bilangan penyokong yang menyertai Twitter.

Walaupun kehadiran meningkat, kempen pro-BN dipanggil "Saya Pilih Malaysia" menguasai gelombang udara dan ruang pengiklanan di stesen televisyen negeri dan swasta serta akhbar-akhbar arus perdana yang dikawal oleh Umno dan MCA.

Kempen ini menampilkan petikan dari ketua eksekutif syarikat dan blogger pro-kerajaan dan mensasarkan mereka yang tidak mempunyai akses kepada ruang siber.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/su-agung-pkr-wajibkan-calon-pimpinan-gunakan-facebook-twitter-dalam-retreat-hari-ini/>